



**SENARAI SEMAKAN BORANG.
JABATAN PEMROSESAN IBU PEJABAT.**

Nama Bank : _____

No. Akaun : _____

Nama: _____

No. K/P : _____

No	Dokumen	Bil.	Cawangan	Ibu Pejabat.	Catatan
1	Slip Gaji 1 Bulan Terdahulu QR CODE	1			
2	Slip Gaji 1 Bulan Terkini QR CODE	1			
3	Salinan Kad Pengenalan	1			
4	Borang BPA 1/79	1			
5	Permohonan Keanggotaan Koperasi	1			
6	Permohonan Pembiayaan Peribadi	1			
7	Pengesahan Jawatan	1			
8	Arahan Penyelesaian Sedia Ada	1			
9	Borang PDPA	1			
10	Consent For Spekar	1			
11	Consent For CTOS	1			
12	Surat Tawaran Pembiayaan	1			
13	Perjanjian Pembiayaan	1			
14	Surat Perlantikan Wakil (Wakalah)	1			
15	Aku Janji (Waad)	1			
16	Salinan Akaun Bank	1			
17	Semakan LPPSA	1			
18	Semakan SPEKAR	1			
19	Semakan CTOS (Sekiranya Ada Masalah Saman)	1			
20	Semakan Biro Angkasa	1			



B. MAKLUMAT JABATAN

NAMA JABATAN																					
BAHAGIAN/UNIT																					
PEKERJAAN																					
ALAMAT PEKERJAAN																					
POSKOD																					
NEGERI											BANDAR										
NO. TELEFON PEJABAT											SAMBUNGAN										
NO. FAKS																					
PENDAPATAN SEBULAN TAHUN PERKHIDMATAN																					
TARIKH KHIDMAT																					

C. MAKLUMAT PEWARIS

NAMA PENUH																																																												
HUBUNGAN																																																												
IC PREFIX																																																												
NO. KP																																																												
NO. KP LAMA																																																												
TARIKH LAHIR																																																												
JANTINA	LELAKI										PEREMPUAN																																																	
BANGSA	MELAYU										CINA										INDIA										LAIN-LAIN																													
AGAMA	ISLAM										BUDDHA										KRISTIAN										HINDU										SIKH										LAIN-LAIN									
ALAMAT PEWARIS																																																												
POSKOD																																																												
BANDAR																																																												
NO. TELEFON																																																												

D. PENYELESAIAN HUTANG SEDIA ADA DAN PENYELARASAN HUTANG/KAD KREDIT TERTUNGGAK

NAMA KOPERASI/BANK	JENIS PEMBIAYAAN	JUMLAH PEMBIAYAAN	TARIKH PEMBIAYAAN	ANGGARAN BAKI

E. PENGAKUAN

Saya bersetuju untuk memberi kebenaran kepada KOBAKTI mengatur/mengurus dan menyelesaikan mana-mana hutang sedia ada termasuk baki tertunggak kad kredit untuk tujuan kelulusan permohonan ini dan mengaku:-

1. bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya tidak menyembunyikan sebarang fakta penting;
2. bahawa saya bukan seorang yang bankrap (muflis) dan tiada sg tindakan undang-undang ke atas diri saya;
3. bahawa KOBAKTI mempunyai hak mutlak untuk tidak meluluskan permohonan ini tanpa sebarang sebab;
4. dan sekiranya didapati sebarang maklumat yang tidak betul di dalam permohonan ini setelah pembiayaan ini diluluskan, KOBAKTI mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan patut dan sesuai ke atas diri saya. Saya juga bersetuju bahawa kemudahan pembiayaan peribadi ini adalah juga tertakluk kepada saya memberi persetujuan untuk membenarkan KOBAKTI menjual dan menyerahkan HAK-HAK di bawah Perjanjian ini kepada sesiapa, mana-mana firma atau syarikat termasuk segala hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap saya atau penjamin (sekiranya ada) secara perseorangan atau berkumpulan terhadap mana-mana amaun pembiayaan yang tertunggak atau belum dibayar, pengeluaran atau sebarang kos yang terbabit oleh Koperasi atau mana-mana pihak yang telah dilantik untuk menguruskan hal-ehwal harta saya atau penjamin.

Tandatangan Pemohon :

Nama Pemohon :



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

**ARAHAN PENYELESAIAN HUTANG SEDIA ADA
(Untuk diisi sekiranya memohon penyelesaian hutang sedia ada)**

Tarikh:
(Nama dan Alamat Pemohon)

Kepada :

KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD
Pejabat Urusan
12-1, Jalan Rimbunan Raya,
Laman Rimbunan Kepong,
52100 Kuala Lumpur

Tuan,

ARAHAN PENYELESAIAN PENUH BAKI HUTANG

Saya dengan ini memberi arahan kepada pihak Tuan untuk membuat bayaran penyelesaian Penuh hutang sedia ada saya dengan Koperasi/Organisasi berikut:

<u>Koperasi/Organisasi</u>	<u>Jumlah Baki Hutang</u>
1. _____	RM _____
2. _____	RM _____
3. _____	RM _____

Saya memberi kuasa penuh kepada pihak tuan untuk menguruskan permohonan untuk pembiayaan saya dan membuat potongan bagi bayaran jumlah di atas daripada jumlah permohonan yang diluluskan.

Saya juga memberi kuasa penuh kepada pihak tuan bagi menguruskan pembayaran penyelesaian di atas secara langsung dengan Koperasi/Organisasi yang dinyatakan dimana resit rasmi asal akan diserahkan kepada pihak tuan bagi tujuan permohonan pembiayaan saya.

Saya faham dan bersetuju bertanggungjawab penuh untuk melindungi pihak tuan daripada sebarang kerugian yang mungkin timbul di atas arahan ini.

Saya juga faham saya tidak dibenarkan membuat apa-apa pembiayaan baru yang boleh menyebabkan permohonan saya tidak diluluskan/gagal setelah penyelesaian di atas dibuat.

Yang benar,

Tandatangan pemohon :

Nama pemohon :



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

PERMOHONAN KEANGGOTAAN KOPERASI

Nama Pemohon :

No. Akaun (BANK) :

No. Kad Pengenalan : Tarikh Lahir :

Nama Ibu :

Alamat Rumah :

..... Status Pemilikan:

Alamat Surat Menyurat :

..... Status Pemilikan:

Telefon : (Rumah): (Pejabat): (Bimbit):

Email :

Pekerjaan : Pendapatan Sebulan:

Nama Majikan :

Alamat Majikan :

Nama Pewaris :

Alamat Pewaris :

Telefon : (Rumah): (Pejabat): (Bimbit):

Bersama-sama ini disertakan sebanyak RM50.00 sebagai fi keahlian dan RM..... Untuk unit saham. Saya dengan ini bersetuju untuk mematuhi segala terma dan syarat serta peruntukan yang terkandung didalam Aturan-Aturan Koperasi (termasuk Aturan Tabung Pelupusan Saham), Garis Panduan-Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Akta Koperasi 1993. Saya juga dengan ini mengesahkan dan memahami bahawa segala tanggungjawab/hak yang timbul dan/atau terikat sepanjang tempoh keanggotaan saya dengan Koperasi adalah tertakluk kepada pemakaian peruntukan-peruntukan diatas. Saya juga dengan ini bersetuju untuk membuat bayaran Yuran Modal bulanan sebanyak RM30 selaras dengan peruntukan Garis Panduan 7 (GP7) oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Undang-Undang Kecil Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad.

Tandatangan Pemohon :

Nama Pemohon :

Tarikh :

KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

Tarikh:

Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad.
12-1, Jalan Rimbunan Raya,
Laman Rimbunan Kepong,
52100 Kepong,
Kuala Lumpur.

Untuk Perhatian:

Tuan/Puan,

PERSETUJUAN DAN PENERIMAAN PIHAK YANG BERKENAAN TERHADAP NOTIS PRIVASI KOBAKTI BERHUBUNG DENGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“NOTIS PRIVASI KOBAKTI”)

Saya, seperti nama dan alamat di atas telah membaca dan memahami Notis Privasi KOBAKTI seperti yang dikepilkan dan dimajukan kepada saya oleh **KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (No pendaftaran: 202059501816)** sebuah koperasi yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993, yang mempunyai alamat berdaftar di 12-1 Jalan Rimbunan Raya, Laman Rimbunan Kepong, 52100 Kepong, Kuala Lumpur (“KOBAKTI”) dan saya memberi persetujuan saya kepada KOBAKTI untuk menggunakan data peribadi yang telah saya sediakan kepada KOBAKTI dan data peribadi tersebut boleh digunakan oleh KOBAKTI dan/atau kakitangan KOBAKTI yang telah diberikuasa bagi tujuan permohonan KOBAKTI untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dan/atau untuk mengekalkan akaun KOBAKTI dengan KOBAKTI (“Tujuan-Tujuan”).

Saya selanjutnya mengesahkan bahawa saya menyedari dan memahami bahawa data peribadi saya akan digunakan oleh KOBAKTI dan/atau kakitangan KOBAKTI yang telah diberikuasa bagi, antara lain, Tujuan-Tujuan tersebut atau bagi tujuan seperti yang tertakluk pada Notis Privasi KOBAKTI.

Saya dengan ini bersetuju bahawa data peribadi tersebut hanya akan digunakan dan disimpan selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan ianya dikumpul dan dikumpul secara mematuhi undang-undang, kawal selia dan syarat-syarat dalaman (internal requirements).

Saya juga bersetuju bahawa KOBAKTI akan menghapuskan dan memadam secara kekal data peribadi tersebut apabila Tujuan-Tujuan tersebut telah laksana dan/atau luput.

Terima kasih.

Yang Benar,

.....
Nama:
No. K/P:

Disaksi oleh:

.....
Nama:
No. K/P:



KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU
Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA Dan
Experian Information Services (Malaysia) Sdn Bhd (EXPERIAN)

PENDEDAHAN

Pemohon dengan ini membenarkan (Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad) / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu apa-apa maklumat berhubung dengan akaun SPGA/ beliau untuk tujuan atau berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding diambil bagi tujuan penilaian kredit atau bayaran balik di bawah Terma dan Syarat ini;

Pemohon dengan ini membenarkan (Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad) / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk penzahiran apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan kedudukan kredit, kemudahan atau akaun butiran pemohon kepada Experian information Services (Malaysia) Sdn Bhd (EXPERIAN) dan pelanggan EXPERIAN termasuk Bank / Institut kewangan, syarikat yang perlu; mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut.

Pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada EXPERIAN bagi pendedahan maklumat kredit, termasuk maklumat kredit perbankan kepada (Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad) / ANGKASA dan / atau pegawainya bagi maksud yang berikut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, menurut akta Pelaporan Kredit 2010. Persetujuan hendaklah kekal terpakai selagi pemohon mengekalkan akaun / pinjaman / Kredit / apa-apa transaksi dengan organisasi.

Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada :-

- Pembukaan akaun
- Penilaian / Pemarkahan kredit,
- Kredit / Semakan akaun
- Kredit / Pemantauan akaun
- Kedudukan / Pemantauan akaun individu,
- Tujuan pemulihan hutang,
- Dokumentasi undang-undang dan/atau tindakan berkenaan kontrak atau kemudahan kredit yang telah diberi.

(Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad) / ANGKASA / EXPERIAN tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

TANDATANGAN PEMOHON

.....
Nama seperti di Kad Pengenalan :

NO.K/P :

TARIKH :

DISAKSIKAN OLEH WAKIL ORGANISASI

.....
Nama seperti di Kad Pengenalan (wakil) :

NO.K/P :
Serta Cop rasmi Organisasi

TARIKH :



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

No. Rujukan Surat : Perkara 1, Jadual Pertama
No. akaun : Perkara 2, Jadual Pertama
Tarikh : Perkara 3, Jadual Pertama
Nama : Perkara 4, Jadual Pertama
Alamat : Perkara 5, Jadual Pertama

Tuan/Puan

Assalamualaikum / Salam Sejahtera,

SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN SEBANYAK RM

Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad (202059501816) ("Koperasi") telah bersetuju meluluskan permohonan kemudahan pembiayaan KOBAKTI tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

1.0 KONSEP

Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip syariah Murabahah (menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan waad daripada pihak pelanggan koperasi akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi seperti dinyatakan pada Perenggan 2.0 di bawah kepada tuan/puan melalui Perjanjian Jualan Murabahah berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) yang dinyatakan pada Perenggan 3.2 secara tangguh dan kemudian, sebagai wakil tuan/puan. Koperasi menjualkannya kepada pembeli pihak ketiga dengan cara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dibayar mengikut arahan yang diberi kepada pihak Koperasi melalui Aku Janji (Waad).

2.0 MAKLUMAT KOMODITI

Apa-apa komoditi seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah, Angkasa dan Koperasi.

3.0 BELIAN DAN JUALAN

3.1 HARGA BELIAN KOMODITI

Harga Belian Komoditi yang merupakan Amaun Pembiayaan di **Perkara 6** Jadual Pertama.



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

3.2 HARGA JUALAN TANGGUH

Perkara 7 Jadual Pertama.

3.3 KADAR KEUNTUNGAN

Perkara 8 Jadual Pertama.

4.0 TUJUAN PEMBIAYAAN

Perkara 9, Jadual Pertama.

5.0 TEMPOH BAYARAN

Perkara 10, Jadual Pertama.

6.0 BAYARAN ANSURAN

Perkara 11, Jadual Pertama.

7.0 PENGELUARAN PEMBIAYAAN

Perkara 12, Jadual Pertama.

8.0 CARA BAYARAN ANSURAN

Perkara 13 Jadual Pertama.

9.0 CAJ WAKALAH

Perkara 14 Jadual Pertama.

10.0 BAYARAN DUTI SETEM

Tuan/Puan dikehendaki menjelaskan bayaran duti setem seperti **Perkara 15** Jadual Pertama bagi penyempurnaan dokumen pembiayaan yang berkenaan.

11.0 INSURAN

Perkara 16 Jadual Pertama.



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

12.0 IBRA' (REBAT)

Sekiranya tuan/puan membuat penjelasan awal ke atas Harga Jualan, Koperasi akan memberi ibra' (rebat) kepada tuan/puan berdasarkan polisi dan prosedur semasa koperasi yang akan dikira mengikut formula seperti berikut:

Jumlah Penyelesaian Awal = Baki Harga Jualan — Ibra' + Caj Lewat Bayar (Jika ada)
Di mana:

Ibra' = Keuntungan Tertangguh + Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada) — Caj lain (jika ada)

13.0 PENYELESAIAN AWAL

Tuan/puan boleh menamatkan pembiayaan ini dengan mengemukakan notis tidak kurang dari satu (1) bulan kepada Koperasi dan menjelaskan baki Harga Jualan sepenuhnya.

Koperasi berhak untuk menuntut daripada tuan/puan kes sebenar yang berbangkit akibat daripada penyelesaian awal tersebut yang akan dimaklumkan kepada tuan/puan melalui notis tertakluk kepada polisi dan prosedur semasa Koperasi

14.0 CAJ GANTIRUGI LEWAT (TA'WIDH)

Sekiranya tuan/puan gagal membuat pembayaran setiap bayaran bulanan atau mana-mana bayaran yang perlu dibuat pada atau sebelum tarikh bayaran tersebut perlu dibuat, tuan/puan perlu membayar kepada Koperasi Ta'widh pada kadar yang telah ditetapkan oleh Koperasi ataupun pada mana-mana kadar atas budi bicara mutlak Koperasi seperti berikut :-

Bayaran Bulanan Tertunggak

Kegagalan membayar bayaran bulanan pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan Ta'widh pada kadar satu peratus (1%) ke atas jumlah bayaran bulanan yang tertunggak yang dikira dari tarikh bayaran perlu dibuat sehingga selesai pembayaran;



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

Baki Pembiayaan Tertunggak

Kegagalan untuk membayar sepenuhnya pembiayaan dalam tempoh pembiayaan yang dilulus akan dikenakan Ta'widh pada kadar yang diluluskan oleh Koperasi berdasarkan kadar semasa Pasaran Wang Islam Antara Bank ataupun pada kadar Dividen Kasar Pelaburan Am untuk tempoh 12 bulan, ke atas baki Pembiayaan Tertunggak dari tarikh tamat tempoh bayaran balik sehinggalah selesai semua pembayaran.

Kadar yang dikenakan juga adalah tertakluk kepada perubahan mengikut resolusi Syariah dalam kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang akan ditetapkan dari masa ke semasa.

15.0 POTONGAN - POTONGAN LAIN

Potongan-potongan lain yang dikenakan adalah seperti yang dinyatakan di dalam

Perkara 17 Jadual Pertama.

16.0 DOKUMENTASI PEMBIAYAAN

Selain daripada Surat Tawaran ini, tuan/puan juga dikehendaki menandatangani dokumen-dokumen pembiayaan seperti di **Perkara 18** Jadual Pertama.

17.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT Di BAWAH AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2002

Tuan/Puan bersetuju memberi kebenaran kepada Koperasi untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan kedudukan akaun pembiayaan kemudahan kewangan ini dan dokumen pembiayaan ini termasuk dokumen sekuriti dan data peribadi tuan/puan di koperasi bagi tujuan pelaksanaan operasi pembiayaan, perniagaan, pentadbiran, nasihat profesional dan apa-apa tujuan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang kepada:

- (i) Cawangan-cawangan Koperasi, anak syarikat Koperasi dan/atau mana-mana Koperasi di bawah kumpulan Koperasi:



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

- (ii) Central Credit Bureau, Sistem Penjelasan Infommasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (eSPICK), Financial Information Services (FIS), Sistem Potongan Gaji Angkasa (SPGA) dan Sistem Pelaporan Kredit Angkasa & RAM Credit infomation Sdn Bhd (SPEKAR)
- (iii) penyedia perkhidmatan dan agensi pemungut hutang:
- (iv) mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Koperasi:
- (v) mana-mana pihak yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran termasuk pemberi sekuriti:
- (vi) pemegang serahan hak yang dibenarkan dan diberikuasa oleh Koperasi dan
- (vii) mana-mana pihak yang selaras dengan penguatkuasaan undang-undang.

Tuan/puan mengakui bahawa pendedahan maklumat ini adalah bagi tujuan Seksyen 120 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan tiada kebenaran lain daripada pihak tuan/puan diperlukan bagi tujuan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut adalah disimpan secara sulit oleh pihak syarikat/agensi dan semua ahli/penyumbang.

18.0 PENGGUNAAN DATA PERIBADI

Tuan/Puan bersetuju untuk Koperasi mengumpul dan memproses data peribadi tuan/puan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan digunakan bagi tujuan-tujuan berikut:

- (a) penyampaian notis berkaitan perkhidmatan atau produk;
- (b) penilaian kredit dan semakan latar belakang tuan/puan;
- (c) memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia
- (d) penyelidikan, pananda aras dan analisis perangkaan; dan
- (e) membolehkan Koperasi menghantar maklumat kepada tuan/puan.

Koperasi akan terus mengawal data peribadi tuan/puan dengan sewajarnya selaras dengan Dasar Privasi Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad yang akan mengikat tuan/puan. Jika tuan/puan ingin menarik balik persetujuan yang telah diberikan, koperasi berkemungkinan tidak dapat meneruskan pembiayaan ini dan/atau memberikan perkhidmatan yang berkaitan kepada tuan/puan.



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

19. SYARAT-SYARAT PENGELUARAN

Pengeluaran akan dibuat kepada tuan/puan setelah dokumen-dokumen berikut ditandatangani:-

- i) Surat Tawaran Pembiayaan.
- ii) Dokumen yang dinyatakan di **Perkara 18** Jadual Pertama.
- iii) Semua bayaran-bayaran dan potongan-potongan lain yang berkaitan telah disempurnakan ataupun pihak tuan/puan telah memberi persetujuan bagi bayaran-bayaran dan potongan-potongan lain yang berkaitan di potong dari jumlah pembiayaan tuan/puan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

20. AKUJANJI

Untuk membenarkan dan memberi hak eksklusif kepada Koperasi menjual dan menyerahkan segala haknya berkaitan dengan kemudahan pembiayaan peribadi ini kepada KOBAKTI (202059501816)) atau mana-mana firma atau individu termasuk segala hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap tuan/puan atau penjamin (sekiranya ada) secara bersama dan/atau berasingan terhadap mana-mana jumlah pembiayaan yang tertunggak atau belum dibayar, pengeluaran atau sebarang kos yang terbabit oleh pihak Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad (202059501816) atau mana-mana firma atau individu berkaitan tanpa merujuk kepada tuan/puan, penjamin ataupun kepada Koperasi ataupun mana-mana pihak yang telah dilantik untuk menguruskan hal ehwal harta tuan/puan.

21. PENGHANTARAN NOTIS DAN PENYAMPAIAN PROSES PERUNDANGAN

Sebarang pertukaran alamat hendaklah segera dimaklumkan kepada pihak Koperasi secara bertulis. Sebarang surat menyurat, notis atau tuntutan yang dihantar secara pos biasa atau berdaftar menggunakan alamat tersebut di atas atau alamat terakhir yang diketahui oleh Koperasi hendaklah dianggap telah disampaikan dan diterima pada masa dan dengan cara pada kebiasaannya surat tersebut diserahkan.

Penyampaian semua proses undang-undang, adalah dianggap telah sah disampaikan sekiranya telah diposkan melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada tuan/puan di alamat yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ini atau kepada alamat terakhir yang diberikan oleh tuan/puan secara bertulis kepada kami. Proses tersebut samaada saman atau sebaliknya adalah dianggap telah disampaikan dengan sempurna selepas tiga (3) hari ia diposkan.



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

Sekiranya tuan/puan bersetuju dengan syarat-syarat di atas, sila tandatangani surat tawaran ini dan kembalikan kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Surat Tawaran ini.

Tuan/Puan dikehendaki menandatangani kesemua dokumen pembiayaan seperti di **Perkara 18** Jadual Pertama dalam tempoh empat belas hari (14) hari dari tarikh notis makluman yang akan dikeluarkan oleh Koperasi.

Sekiranya pihak kami tiada menerima sebarang maklumbalas daripada tuan/puan dalam tempoh yang ditetapkan, maka dengan sendirinya tawaran ini adalah dianggap batal.

Sekian

Yang benar,

KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD

.....
Nama:
Jawatan:

.....
Nama:
Jawatan:



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

MEMORANDUM PENERIMAAN TAWARAN

1. Saya dengan ini mengesahkan untuk menerima Surat Tawaran ini dan telah membaca dan memahami segala syarat dan terma yang terkandung di dalamnya termasuk lampiran (jika ada). Saya juga mengakui bahawa saya telah mendapatkan nasihat perundangan sendiri berkaitan dengan Surat Tawaran ini. Saya seterusnya mengesahkan dan memahami segala tanggungjawab yang timbul dan/atau terikat dengan penerimaan Surat Tawaran ini dan mengesahkan penerimaan segala terma dan syarat yang termaktub didalam Surat Tawaran ini.
2. Saya membenarkan Koperasi menghubungi majikan atau mana-mana pihak untuk mendapatkan sebarang keterangan mengenai diri saya/kami dan seterusnya membenarkan mereka memberi keterangan yang diperlukan oleh Koperasi.
3. Saya mengaku bahawa saya bukanlah mana-mana pengarah dan/atau warga kerja Koperasi.
4. Saya juga mengaku bahawa saya tidak diisytiharkan bankrap dan/atau tiada sebarang tindakan kebangkrapan diambil terhadap saya semasa menerima tawaran ini.

.....

Nama :
No.K/P :
Tarikh :



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

Jadual Pertama

No.	Perkara	Maklumat
1.	No. Rujukan surat	
2.	No. Akaun	
3.	Tarikh	
4.	Nama Pelanggan & No.Kad Pengenalan	Nama : No. Kad Pengenalan :
5.	Alamat Pelanggan	
6.	Harga Belian Komoditi (Perenggan 3.1)	AMAUN PEMBIAYAAN RM
7.	Harga Jualan Tangguh (Perenggan 3.2)	RM
8.	Kadar Keuntungan (Perenggan 3.3)	Kadar Rata%
9.	Tujuan Pembiayaan (Perenggan 4.0)	Untuk kegunaan peribadi



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

10.	Tempoh Bayaran (Perenggan 5.0)	Tempoh Pembiayaan:..... Tahun (..... bulan)
11.	Bayaran Ansuran (perenggan 6.0)	<p>a) Ansuran bulanan sebanyak RM..... Sebulan selama bulan yang dikira berdasarkan kadar semasa di Perkara 8 Jadual Pertama</p> <p>b) Bayaran balik bulanan terakhir RM..... x 1 bulan</p> <p>c) Pendahuluan ansuran bulanan RM..... x 2 bulan.</p>
12.	Pengeluaran Pembiayaan (Perenggan 7.0)	Pengeluaran pembiayaan akan dibuat kepada tuan/puan atau bagi manfaat tuan/puan setelah semua syarat pembiayaan telah dipenuhi oleh tuan/puan.
13.	Cara bayaran (Perenggan 8.0)	Bayaran balik secara ansuran setiap bulan daripada potongan gaji bulanan hendaklah dibayar melalui Biro Perkhidmatan ANGKASA. Sekiranya potongan gaji bulanan tidak dapat dibayar melalui potongan Biro Angkasa, Tuan/Puan mestilah membuat bayaran bulanan terus kepada Koperasi Dana Bakti Malaysia Berhad sehingga potongan gaji oleh Biro Perkhidmatan Angkasa berkuatkuasa semula.
14.	Caj Wakalah (Perenggan 9.0)	RM.....
15.	Bayaran Duti Setem (Perenggan10.0)	Duti Setem RM.....



KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD (202059501816)

16.	Insuran (jika ada) (Perenggan 11.0)	RM..... ditolak daripada pembiayaan ini.
17.	Potongan – potongan lain yang dikenakan (Perenggan 15.0)	i) Fi Keanggotaan KOBAKTI :RM50.00 ii) Saham :RM200.00 iii) Perkhidmatan BPA :RM..... iv) Caruman Anggota :RM..... v) Pendahuluan Ansuran Bulanan :RM..... vi) Yuran pemrosesan :RM..... vii) Penyelesaian Kepada Pihak Ke-3 (jika ada):- 1.:RM..... 2.:RM..... 3.:RM..... Jumlah :
18.	Dokumentasi Pembiayaan (Perenggan 16.0)	Sila rujuk Lampiran 1 :- i) Perjanjian Pembiayaan ii) Surat Perlantikan Wakil (Wakalah) iii) Aku Janji (Waad)



KOPERASIDANA BAKTIMALAYSIA BERHAD (20205901816)

LAMPIRAN 1

- i) Perjanjian Pembiayaan
- ii) Surat Perlantikan Wakil (Wakalah)
- iii) Aku Janji (Waad)



A. PERJANJIAN JUALAN

Perjanjian ini dibuat pada hb Di antara

KOPERASI DANA BAKTI MALAYSIA BERHAD
(Selepas daripada ini disebut "Koperasi") sebagai Pihak Pertama

Dengan

Nama :

No. K/P :
(selepas daripada ini disebut "Anggota") sebagai Pihak Kedua

- 1) Adalah dengan ini "**Pihak Pertama**" bersetuju menjual dan "**Pihak Kedua**" bersetuju membeli komoditi dengan harga jualan yang tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui seperti butiran di bawah.

JENIS KOMODITI	(Seperti dinyatakan pada Dokumentasi Jual Beli Komoditi melalui platform Tawarruq)
JUMLAH KOMODITI	(Seperti dinyatakan pada Dokumentasi Jual Beli Komoditi melalui platform Tawarruq)
HARGA BELIAN	RM
HARGA JUALAN	RM

(selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Komoditi")

- 2) Oleh yang demikian, "Pihak Kedua" berjanji dan bersetuju secara TIDAK TERBATAL, bahawa :

Tempoh Pembayaran Balik Pembiayaan yang Dipersetujui Bersama

- Membenarkan Majikan / Ketua Jabatan "Pihak Kedua" memotong gaji bulanan "Pihak Kedua" atau menambahkan potongan gaji sebanyak :
RM _____ **x** _____ **bulan** [selepas ini dirujuk sebagai "Ansuran-ansuran Tersebut"] dan membayar kepada "Pihak Pertama" sebagai bayaran balik pembiayaan "Pihak Kedua" terhadap "Pihak Pertama" sehingga "Harga Tangguh" dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh perjanjian ini (jika ada) diselesaikan sepenuhnya.
- Ansuran-ansuran "Harga Tangguh" mestilah dilunaskan mengikut tarikh dan bulan yang ditetapkan sepertimana yang ditetapkan oleh "Pihak Pertama".
- Mengekalkan wang simpanan bulanan sekurang-kurangnya RM _____ sehingga "Harga Tangguh" tersebut dan lain-lain bayaran (jika ada) diselesaikan sepenuhnya.
- Adalah dengan ini "Pihak Kedua" membenarkan "Pihak Pertama" mengambil sebanyak ___% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan untuk dimasukkan di dalam "**Tabung Tabarru**". Tabung ini digunakan untuk membantu "Pihak Kedua" dan ahli-ahli lain yang tidak dapat membayar semula hutangnya disebabkan oleh keadaan-keadaan yang telah diluluskan oleh "Pihak Pertama" seperti kematian dan hilang upaya kekal.



- e. Membenarkan baki dalam saham dan simpanan (sama ada dengan "Pihak Pertama" atau sebaliknya) diambil untuk bayaran balik "Harga Tangguh" tersebut setakat yang ada atau setakat yang terhutang sekiranya "Pihak Kedua" gagal, lalai atau cuai untuk menjelaskan jumlah pembiayaan pada bila-bila masa.
 - f. Tidak akan berhenti daripada menjadi anggota / ahli "Pihak Pertama" sehingga seluruh "Harga Tangguh" tersebut dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh perjanjian ini (jika ada) diselesaikan sepenuhnya kepada "Pihak Pertama".
 - g. Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan khasnya berhubung dengan pembayaran "Harga Tangguh" tersebut dan pembiayaan yang diperoleh daripada "Pihak Pertama".
 - h. Semua risiko dan kerosakan kepada dan / atau daripada dan / atau terhadap "Komoditi" dari tarikh Perjanjian ini akan menjadi tanggungjawab dan tanggungan "Pihak Kedua" sepenuhnya.
 - i. Membenarkan "Pihak Pertama" menuntut daripada "Pihak Kedua" segala kos, perbelanjaan, yuran, bayaran, ganti rugi dan sebagainya yang berkaitan dengan usaha "Pihak Pertama" mendapatkan hak "Harga Tangguh"nya sekiranya berlaku perlanggaran "Pihak Kedua" terhadap Perjanjian ini.
 - j. Mendapatkan _____ orang penjamin (seperti berikut) untuk menjamin pematuhan kesemua terma dan syarat Perjanjian ini oleh "Pihak Kedua" serta jaminan pembayaran "Harga Tangguh" tersebut dan lain-lain bayaran (jika ada) yang terwujud hasil daripada Perjanjian ini.
 - k. Kesemua hak, remedi dan kuasa "Pihak Pertama" di sini adalah bersifat kumulatif dan tidak bersifat eksklusif daripada hak-hak dan kuasa-kuasa "Pihak Pertama" di bawah undang-undang dan ekuiti khasnya di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502).
 - l. "Pihak Kedua" bersetuju membayar semua atau setiap ansuran mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama tanpa sebarang kelewatan atau kemungkiran. Sekiranya berlaku perkara yang melanggar perjanjian pembayaran, "Pihak Kedua" bersetuju dan berjanji untuk membayar kepada "Pihak Pertama" ini *Ta'widh* (iaitu ganti rugi sebanyak 1% yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh "Pihak Pertama" kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh "Pihak Kedua") dan *Gharamah* (iaitu penalti atau denda yang dikenakan kerana kelewatan melunaskan hutang tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar)" mengikut peratusan yang telah diputuskan oleh Ahli Lembaga Koperasi.
 - m. Pihak kedua boleh menjelaskan sepenuhnya pembiayaan dan lain-lain kos sebenar (jika ada) sebelum tamat tempoh pembiayaan dan pihak pertama digalakkan memberikan *ibra'* (rebat). *Ibra'* (rebat) boleh diberi berdasarkan jumlah keuntungan terakru. Berikut adalah formula penyelesaian awal:
Jumlah penyelesaian awal = Harga Jualan – Keuntungan Belum Terakru + Caj Penyelesaian Awal (jika ada)
 - n. Perjanjian ini serta kesemua terma dan syaratnya harus ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang Malaysia.
- 3) Adalah dengan ini "Pihak Pertama" dan "Pihak Kedua" memahami dengan sebenarnya mengenai keseluruhan isi kandungan perjanjian ini.



B. Aku Janji Belian Komoditi

Aku Janji Belian Komoditi

Selaras dengan Surat Tawaran, saya dengan ini beraku janji untuk membeli komoditi yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ("Komoditi") daripada koperasi pada Harga Jualan yang tersebut dalam Surat Tawaran ("Harga Jualan") bersama-sama dengan semua kos lain yang termasuk dengannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos komoditi yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran) yang kedua-duanya akan dibayar mengikut terma-terma dan syarat-syarat Surat Tawaran atau apa-apa kaedah lain yang dibenarkan oleh koperasi.

Saya dengan ini membuat pilihan untuk:

(Sila tandakan [✓] jika berkenaan)

menerima penghantaran komoditi, atau menjual komoditi kepada mana-mana pihak ketiga atas kehendak saya, dengan segala kos berkaitan ditanggung oleh saya sendiri. Saya dengan ini melepaskan koperasi daripada segala tanggungan dan beraku janji untuk menanggung rugi koperasi terhadap apa-apa tindakan undang-undang termasuk menanggung rugi kesemua kos dan perbelanjaan atau kerosakan yang koperasi mungkin alami atau tanggung berikutan dengan pilihan saya ini.

atau

meninggalkan komoditi itu kepada koperasi dan menyerahkan kuasa kepada koperasi sebagai wakil saya untuk menjual komoditi itu kepada pihak ketiga yang difikirkan sesuai oleh koperasi pada harga kos koperasi (melalui Sistem Tawarruq).

C. PERLANTIKAN WAKIL

Saya dengan ini melantik **Koperasi** _____ setelah Perjanjian Jualan Murabahah dipersetujui sebagai wakil saya untuk membeli komoditi dan menjadi wakil saya untuk menjual komoditi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran kepada mana-mana pihak pembeli ketiga yang difikirkan sesuai oleh koperasi.

Pengesahan :

[Tandatangan Pihak Pertama]	:
[Nama Pihak Pertama]	:
[No. Kad Pengenalan]	:
[Tandatangan Pihak Kedua]	:
[Nama Pihak Kedua]	:
[No. Kad Pengenalan]	:

BAHAGIAN 2 - PENGAKUAN DAN MAKLUMAT ANGGOTA ORGANISASI

MUSTAHAK : JANGAN TANDATANGAN BORANG KOSONG

Saya dengan ini bersetuju supaya gaji saya [redacted] dipotong untuk dibayar kepada (nama organisasi) [redacted] bagi bayaran seperti ternyata di Bahagian 1 dalam surat kebenaran ini dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan oleh organisasi dari masa ke semasa. Potongan ini akan dibuat kepada Biro Perkhidmatan ANGKASA yang bertanggungjawab mengendalikan pengutipan potongan gaji berseesuaian dengan arahan-arahan SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Bil 1 Tahun 1977, Bil 2/81, Bil 3/81, Bil 4/82, Bil 1/85 dan pekeliling, arahan serta aturan-aturan oleh Kerajaan dan ANGKASA yang dikeluarkan dari masa ke semasa. (Bagi pekerja sektor swasta tertakluk pada Seksyen 24(4) Akta Kerja 1955). Persetujuan saya ini juga adalah keizinan saya yang dikehendaki di bawah undang-undang bertulis mengenai potongan gaji dan/atau buruh yang terpakai dan keizinan ini termasuk memberi kuasa kepada majikan saya untuk mengubah dan/atau meminda potongan gaji ini selaras dengan undang-undang bertulis itu, jika berkenaan. Persetujuan ini laku sehingga kebenaran ini saya tarik balik secara bertulis dan pembatalan potongan ini akan dilaksanakan setelah disahkan oleh organisasi bahawa saya adalah bebas dari sebarang hutang atau tunggakan ansuran pinjaman dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan. Saya maklum bahawa urusan potongan gaji ini ialah satu kemudahan membayar dan saya masih bertanggungjawab terhadap bayaran-bayaran yang tidak dijelaskan kepada organisasi tersebut. Saya juga membenarkan pihak organisasi atau majikan menyamak maklumat potongan gaji dan maklumat lain saya yang disimpan oleh ANGKASA. Sebagai balasan bagi yang tersebut di atas, saya dengan ini menyelamatkan Kerajaan Malaysia dan ANGKASA dari kerugian dan saya tidak akan membuat tuntutan terhadap mereka, tidak akan menuntut daripada mereka, atau tidak akan mendakwa mereka, di atas apa-apa kerugian yang mungkin berlaku selepas apa-apa jumlah telah dipotong dari gaji saya dan dihantar kepada Biro Perkhidmatan ANGKASA atas permintaan saya. Saya mengakui telah membaca dan memahami implikasi surat kebenaran ini dan semua pekeliling, arahan dan aturan-aturan yang mengawal selia kemudahan potongan gaji ini yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan ANGKASA dari masa ke semasa. Ungkapan "organisasi" termasuk koperasi. Saya faham surat kebenaran ini dibaca sekali dengan Aturan-Aturan Kemudahan Biro Perkhidmatan ANGKASA - Versi 2013(1)

Nama Penuh : [redacted]

No. Kad Pengenalan / No. Tentera / No. Polis : [redacted]

Saya mengaku telah diberi penjelasan secukupnya oleh pegawai (nama) [redacted]

Saya mengaku membuat pembiayaan sebanyak (RM) [redacted] yang telah diluluskan oleh koperasi / organisasi (mesti dicatat jika melibatkan pembiayaan.)

Tandatangan / Cap Jari Individu

Tarikh : [redacted]

DIPENUHI OLEH SAKSI

Tandatangan : [redacted]

Nama Saksi : [redacted]

No. Kad Pengenalan : [redacted]

Tarikh : [redacted]

BAHAGIAN 3 - PENGESAHAN MAJIKAN

MUSTAHAK : PASTIKAN TUNTUTAN BULANAN DINYATAKAN PADA BAHAGIAN 1

Adalah dengan ini disahkan bahawa butiran yang ternyata dalam dokumen ini diakui betul dan penama berkenaan berkhidmat di jabatan / sekolah / syarikat ini. Jumlah potongan baru yang dibenarkan ialah RM [redacted]

Nama Penuh : [redacted]

Jawatan Pegawai : [redacted]

Tarikh : [redacted]

TANDATANGAN / COP MAJIKAN

(Tertakluk pada kelulusan Ketua Jabatan / Pengurus / Pegawai bahagian gaji yang bertanggungjawab)